

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD.
ZOHDI [SUNGAI BESAR]**

SOALAN :

YB. Tuan Budiman bin Mohd. Zohdi [Sungai Besar] meminta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan prestasi sektor pelancongan inap desa atau homestay di negara ini serta apakah langkah-langkah yang diambil bagi mempromosikan produk inap desa di negara ini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Jun 2016, pendapatan yang dijana melalui Program Pengalaman Homestay Malaysia adalah sebanyak RM12 juta dengan jumlah pengunjung seramai 162,967 orang yang terdiri daripada 135,521 orang pelancong domestik dan 27,446 orang pelancong antarabangsa. Bagi tahun 2015, pendapatan yang dijana adalah sebanyak RM28.3 juta manakala pendapatan pada tahun 2014 adalah sebanyak RM23.2 juta. Bagi kedatangan pelancong ke Homestay, pada tahun 2015 adalah seramai 391,225 orang pengunjung berbanding 319,395 orang pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Diantara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam mempromosikan Program homestay adalah seperti:

- i. menyediakan platform promosi di dalam dan di luar negara yang melibatkan pengusaha homestay contohnya penyertaan pameran di *World Tourism Conference (WTC)*, Karnival Homestay Kebangsaan, Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI), Program Travel Malaysia Fair di Singapura, Roadshow Promosi Homestay di Jepun dan Korea;

- ii. meneruskan kempen pengiklanan dan promosi melalui media cetak dan elektronik, termasuklah melalui media sosial seperti Facebook dan Twitter; dan
- iii. menganjurkan lawatan suai kenal melibatkan penyertaan media dan agensi pelancongan terpilih untuk mengalami sendiri Program Pengalaman Homestay dan seterusnya mempromosikan produk pelancongan tersebut.

Sekian, terima kasih.